

Bil. S 8

**AKTA LESEN-LESEN RAMPAIAN
(PENGAL 127)**

PERATURAN-PERATURAN LESEN-LESEN RAMPAIAN (PINDAAN), 2006

SUSUNAN PERATURAN-PERATURAN

Peraturan

1. Gelaran.
 2. Pindaan peraturan 6 dari S 31/82.
 3. Pindaan peraturan 7.
 4. Pindaan Jadual Pertama.
 5. Pindaan Jadual Kedua.
 6. Penggantian Jadual Keempat.
-

**AKTA LESEN-LESEN RAMPAIAN
(PENGAL 127)**

PERATURAN-PERATURAN LESEN-LESEN RAMPAIAN (PINDAAN), 2006

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh cerai (1) bab 2 dari Akta Lesen-Lesen Rampaian, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dalam Majlis Mesyuarat dengan ini membuat Peraturan-Peraturan yang berikut —

Gelaran.

1. Peraturan-Peraturan ini boleh digelar sebagai Peraturan-Peraturan Lesen-Lesen Rampaian (Pindaan), 2006.

Pindaan peraturan 6 dari S 31/82.

2. Peraturan 6 dari Peraturan-Peraturan Lesen-Lesen Rampaian, dalam Peraturan-Peraturan ini disebut sebagai Peraturan-Peraturan utama, adalah dipinda dengan memotong "tahunan" dari baris kedua.

Pindaan peraturan 7.

3. Peraturan 7 dari Peraturan-Peraturan utama adalah dipinda dengan memotong "tempoh selama 12 bulan dari tarikh pengeluaran" dan menggantikannya dengan "tempoh selama satu, 2, 3, 4 atau 5 tahun dari tarikh pengeluaran sebagaimana yang ditentukan oleh pihak berkuasa melesen apabila lesen itu dikeluarkan".

Pindaan Jadual Pertama.

4. Jadual Pertama kepada Peraturan-Peraturan utama adalah dipinda, dalam ruang pertama, dengan memotong "Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei" dan menggantikannya dengan "Bahagian Promosi dan Perkembangan Keusahawanan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama".

Pindaan Jadual Kedua.

5. Jadual Kedua kepada Peraturan-Peraturan utama adalah dipinda, dalam perenggan 7(a), dengan memotong "lesen tahunan" dan menggantikannya dengan "suatu lesen";

Penggantian Jadual Keempat.

6. Jadual Keempat kepada Peraturan-Peraturan utama adalah dimansuhkan dan digantikan dengan Jadual baru yang berikut —

"JADUAL KEEMPAT

(peraturan 6)

BAYARAN LESEN

	Maksud	Bayaran				
		1 tahun	2 tahun	3 tahun	4 tahun	5 tahun
1.	Kedai Kopi	\$25	\$50	\$75	\$100	\$125
2.	Kedai Makan	\$50	\$100	\$150	\$200	\$250
3.	Rumah penginapan yang menyediakan — 10 atau lebih bilik tidur, petak-petak atau kedua-duanya	\$100	\$200	\$300	\$400	\$500
	Kurang dari 10 bilik tidur, petak-petak atau kedua-duanya	\$50	\$100	\$150	\$200	\$250
4.	Rumah tumpangan	\$25	\$50	\$75	\$100	\$125
5.	Tempat kunjungan dan hiburan orang ramai	\$100	\$200	\$300	\$400	\$500
6.	Penjaja	\$10	\$20	\$30	\$40	\$50
7.	Peniaga kenderaan bermotor —					
	Peniaga utama	\$5,000	\$10,000	\$15,000	\$20,000	\$25,000
	Cawangan	\$3,000	\$6,000	\$9,000	\$12,000	\$15,000
	Ejen	\$1,000	\$2,000	\$3,000	\$4,000	\$5,000
8.	Stesen minyak, termasuk tempat menyimpan minyak dan bahan-bahan mudah terbakar	\$100	\$200	\$300	\$400	\$500
9.	Kedai runcit	\$50	\$100	\$150	\$200	\$250

JADUAL KEEMPAT – *sambungan*

10. Stor kayu, kilang perabot atau kedua-duanya	\$100	\$200	\$300	\$400	\$500
11. Bengkel	\$50	\$100	\$150	\$200	\$250".

Diperbuat pada hari ini 2 haribulan Muharam, Tahun Hijrah 1427
bersamaan dengan 1 haribulan Februari, 2006.

PEHIN ORANG KAYA PEKERMA JAYA
DATO PADUKA HAJI JUDIN BIN HAJI ASAR
Setiausaha kepada Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri,
Negara Brunei Darussalam.